



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

## **TULISAN AYAT AL-QUR'AN PADA KAIN PENUTUP KERANDA**

### **Bahagian Akhir**

*(Dengan na`ma Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu `alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

### **Ayat atau Doa Pada Kain Penutup Keranda**

Adapun persoalan tentang ayat, doa atau zikir yang dituliskan pada kain penutup keranda pula tidak banyak berbeza dengan persoalan penulisannya pada kain kafan, terutama dari sudut tujuan penulisan untuk tabarruk dan dari sudut keterdedahannya kepada najis dan sentuhan orang-orang yang tidak berwudhu'.

Jika kain atau mana-mana objek yang ditulis padanya ayat-ayat suci al-Qur'an atau nama-nama yang diagungkan dijadikan penutup keranda kerana tujuan tabarruk, sedangkan kehormatan apa yang ditulis itu tercemar atau terabai, seperti terkena najis atau ayat-ayat al-Qur'an itu disentuh oleh orang yang tidak berwudhu', maka yang demikian tentulah tujuan untuk tabarruk ini tidak akan tercapai, lebih-lebih lagi tidak ada suruhan menuliskannya secara jelas dari syara'. Tujuan tabarruk hanya akan tercapai jika tidak timbul apa-apa perkara yang boleh membatalkan tujuan itu, misalnya membawa ayat-ayat al-Qur'an dalam saku baju dengan tujuan tabarruk, tetapi tujuan tabarruk ini tidak akan tercapai apabila terdedah kepada pencemaran kehormatannya, seperti orang yang memakai baju itu dalam keadaan berhadass besar atau membawanya ke tempat-tempat bernajis.

Maka berkaitan dengan penulisan ayat-ayat al-Qur'an pada kain atau objek yang dijadikan penutup keranda, dari satu sudut ia adalah sama dengan penulisan doa-doa tersebut pada kain kafan, iaitu dari sudut keterdedaahannya kepada kotoran dan tidak adanya *nash* syara' yang nyata yang menyuruh menuliskannya.

Dari sudut lain pula ialah menghormati al-Qur'an itu. Menghormati ayat-ayat al-Qur'an adalah wajib diutamakan sehingga ulama dengan tegas menghukumkan haram meletakkannya pada tempat yang kotor atau najis atau yang terdedah kepada kotoran atau najis, atau pada tempat yang hina atau terdedah kepada penghinaan, seperti membawanya ke negeri musuh yang dikhuatiri akan menyebabkannya mendapat penghinaan, haram menjualnya kepada orang yang bukan Islam dan menyentuhnya tanpa ada wudhu' dan lain-lain adab menghormati al-Qur'an sebagaimana yang disebutkan dalam kitab-kitab mereka.

Firman Allah *Ta'ala*:

(79 : )

**Tafsirnya:** *“Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci”*.

(Surah al-Waqi'ah: Ayat 79)

Hukum ini berlaku dalam keadaan biasa dan hukum menyentuhnya lebih ringan berbanding membawa atau menanggungnya. Adapun dalam keadaan dharurat, ia boleh disentuh dan ditanggung seperti apabila dikhuatiri ia akan tenggelam, atau terbakar, atau terkena najis atau jatuh ke tangan orang kafir. Dalam keadaan seperti ini wajib disentuh atau ditanggung untuk menyelamatkannya, sama ada ketika itu ada wudhu' atau tidak.

Hukum ini juga berlaku sama ada untuk mushaf yang lengkap atau untuk sebahagian ayat sahaja kerana yang dinamakan al-Qur'an itu ialah sama ada untuk semua atau sebahagiannya, semuanya itu tetap dinamakan al-Qur'an.

Itulah sebabnya ulama menyebutkan bahawa kehormatan dan keagungan yang begitu tinggi yang diberikan kepada al-Qur'an al-Karim tidak pernah diberikan kepada mana-mana kitab lain.

### **Alasan Yang Rapuh**

Mungkin ada yang berkata bahawa kehormatan ayat-ayat al-Qur'an, zikir atau doa yang ditulis pada kain keranda boleh dijaga. Namun hujah atau kata-kata ini masih dipertikai kerana tulisan ayat al-Qur'an pada kain keranda boleh sahaja mengundang beberapa persoalan yang akan mencemari kemuliaannya, seperti terdedah kepada sentuhan orang ramai yang tidak berwudhu' dan kepada pengabaian setelah ianya selesai digunakan dan lain-lain.

Mungkin orang beranggapan atau mengandaikan bahawa tulisan itu dapat memberi manfaat kepada jenazah dan kepada orang yang masih hidup. Jenazah mendapat berkat dan rahmat atau dengan adanya tulisan ayat-ayat itu, orang yang hidup juga akan berpeluang mendapat pahala dengan membacanya. Orang juga boleh memberi alasan bahawa kain yang bertulis ayat-ayat itu boleh dijaga agar tidak disentuh oleh orang yang tidak berwudhu' atau dijaga dari terhina.

Semua anggapan dan andaian ini tidaklah boleh dijadikan dalil syara'. Perkara rahmat, pahala dan dosa hanya Allah *Ta'ala* jua yang mengetahuinya. Adapun kita tidak dapat mengetahuinya kecuali jika ia disebutkan oleh nas-nas syara'. Pencemaran oleh sentuhan orang ramai yang tidak berwudhu' atau oleh pengabaian atau terkena najis dan kotoran adalah lebih perlu dijaga berbanding andaian-andaian ini.

Jadi penulisannya pada kain yang sentiasa terdedah kepada pengabaian dan kepada sentuhan orang awam itu adalah lebih baik ianya ditiadakan demi menjaga kehormatannya.

Maka dari huraian di atas disimpulkan bahawa penulisan ayat-ayat al-Qur'an atau zikir atau doa-doa yang mengandungi nama-nama yang dimuliakan dan diagungkan pada kain kafan adalah ia terdedah kepada pencemaran kehormatannya, seperti terkena *shadid* jenazah. Mendedahkan apa yang wajib dimuliakan dan dihormati kepada perkara-perkara yang boleh mencemarkan kemuliaan dan kehormatannya adalah haram. Kemudian penulisan pada kain atau objek yang dijadikan penutup keranda adalah sama tujuannya dengan penulisannya pada kain kafan walaupun mungkin keterdedahannya kurang, namun dari sudut tujuan maksud tabarruk, ia dianggap telah mencemari tujuan tabarruk itu sendiri.

Oleh sebab itu meletakkan kain yang bertulis dengan ayat-ayat al-Qur'an atau zikir atau doa yang mengandungi nama-nama yang diagungkan sebagai penutup keranda yang membawa jenazah lebih baik ditiadakan.

Adapun meletakkan kain atau mana-mana objek yang tidak mengandungi perkara-perkara yang dipersoalkan di atas keranda dengan tujuan untuk diguna sebagai penutup jenazah ketika proses memindahkannya ke dalam kubur hukumnya adalah sunat, dan juga sebagai penghadang tanah dari terkena orang yang sedang menimbus kubur di dalam kubur.